

05/06/2003

Hubungan Malaysia-AS tidak ada masalah: Duta

KUALA LUMPUR: Hubungan mesra Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden George W Bush ketika menghadiri Sidang G-8 di Perancis baru-baru ini adalah bukti hubungan Malaysia-Amerika Syarikat (AS) tidak mengalami masalah, kata Duta AS di sini, Marie T Huhtala.

Beliau berkata, Washington amat menghargai usaha Malaysia selama ini untuk mempereratkan hubungan dua hala dari segi ekonomi dan sosial walaupun kadang-kala mempunyai pendirian berbeza berhubung isu tertentu.

"Amerika menghormati kebebasan bersuara mana-mana negara lain, termasuk Malaysia. Ia tidak wajar dijadikan sebagai pengukur muktamad hubungan dua hala kerana kita masih mengekalkan kerjasama dalam pelbagai bidang lain untuk manfaat bersama.

"Kedua-dua pihak tidak wajar membiarkan negara masing-masing dimanipulasi supaya bertelagah oleh pihak ketiga yang mungkin mempunyai agenda tersendiri," katanya kepada pemberita selepas menghadiri ceramah 'Ciri-Ciri Pelbagai Budaya Amerika', di sini semalam.

Ceramah itu disampaikan oleh penulis dan pensyarah Universiti California, Berkley, Prof Dr Bharati Mukherjee. Dr Bharati ialah penulis berketurunan Asia pertama yang menerima Anugerah Pengkritik Sastera Amerika.

Huhtala menjelaskan, kenyataan beliau sendiri tidak ketinggalan disalah tafsir oleh pihak tertentu sehingga mencerminkan seolah-olah ada masalah serius dalam hubungan Malaysia-Amerika.

Jumaat lalu, Huhtala, dalam panel perbincangan mengenai hubungan Malaysia-Amerika anjuran Institut Kepemimpinan dan Strategik Asia (Asli), dilaporkan berkata hubungan kedua-dua negara perlu diperbaiki berikutan kerenggangan ekoran perang di Iraq.

Beliau dilaporkan berkata, kira-kira setahun lalu hubungan Malaysia-Amerika masih lagi mengalami kesan tragedi 11 September di mana Kuala Lumpur disifatkan sebagai berpendirian tegas dalam usaha memerangi keganasan global.

Bagaimanapun Huhtala semalam berkata, beliau tidak pernah menganggap hubungan Malaysia-Amerika bermasalah, sebaliknya kedua-dua negara adalah antara yang paling akrab dari segi kerjasama ekonomi, budaya dan sosial.

Mengenai laporan sebelum ini kononnya Amerika sedang mencari pangkalan baru di seluruh dunia termasuk Malaysia, Huhtala berkata, cadangan itu tidak pernah dipertimbangkan oleh Washington kerana belum ada keperluan.

Katanya, Malaysia tidak pernah ditakrifkan sebagai kawasan yang berbahaya untuk dilawati, baik dalam amaran perjalanan atau nasihat perjalanan negara itu.

"Apa yang berlaku ialah pelancong Amerika hanya dinasihat mengelak mengunjungi kawasan perairan di timur Sabah yang masih terdedah kepada ancaman kumpulan Abu Sayyaf dari selatan Filipina," katanya.

Mengenai kebimbangan negara Asean terhadap kehadiran tentera Amerika

di

Filipina, beliau berkata, tentera negara itu mempunyai beberapa objektif, termasuk membantu Filipina menangani isu penganas.

"Amerika amat berterima kasih dan masih mengharapkan Malaysia terus berperanan sebagai broker keamanan bagi menyelesaikan kemelut di selatan Filipina," katanya.